

MITASA sokong meritokrasi berperingkat ke IPTA

JM 11 AUG 2001
SHAH ALAM 10 Ogos—
Kesatuan Kakitangan
Akademik Universiti Tek-
nologi Mara (MITASA) me-
nyokong sepenuhnya dasar
meritokrasi berperingkat
bagi kemasukan pelajar ke
institusi pengajian tingi
awam (IPTA) mulai tahun
depan.

Presidennya, Ali Dina
berkata, pihaknya berpen-
dapat, wawasan daripada
pelaksanaan dasar itu per-
lu bagi meningkatkan se-
mangat juang dan daya
saing yang tinggi di kala-
ngan generasi muda Mela-
yu yang memasuki IPTA.

“Walaupun ia satu kejut-
an kepada masyarakat Me-
layu namun ia dapat mem-
berikan faedah besar bagi
menjamin kekuatan Mela-
yu pada masa akan datang
seterusnya menghadapi se-
gala bentuk cabaran dalam
pencapaian ilmu pengeta-
huan dan pendidikan,”
ujarnya di sini petang ini.

Beliau berkata demikian
sebagai mengulas kenyata-
an Perdana Menteri, Da-
tuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad mengenai pelak-
sanaan dasar meritokrasi
secara berperingkat kepa-
da pelajar Melayu ke IPTA.

Ali menambah, sebagai
kaum dominan, sistem me-
ritokrasi itu diharap bakal
menjadi agenda perubahan
pragmatik agar Melayu da-
pat bersaing dan berjaya di
negara sendiri seterusnya
di pentas global.

Menurutnya, MITASA
juga mahu semua anggota
pengurusan dan para kaki-
tangan akademik IPTA di
negara ini turut menerima
konsep yang sama bagi
mempertingkatkan komit-
men pengajaran berkualiti,
kewibawaan dan kecemer-
langan akademik.

“Walaupun sistem meri-
tokrasi dilaksanakan kepa-
da pelajar tetani MITASA
berpendapat jika ia dapat
diserapkan kepada semua
peringkat pengurusan
IPTA, ia akan menjadi satu
sistem menyeluruh mela-
hirkan pelajar Melayu ber-
kualiti,” ujarnya.